

BAB 2

SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.0 Pengenalan

Bab ini menyentuh mengenai kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan. Bahagian awal menjelaskan kajian lampau mengenai pemerolehan bahasa kedua. Bahagian ke-2 menerangkan kajian mengenai analisis perbezaan dalam pembelajaran dua bahasa dan kajian lampau mengenai analisis kesilapan di kalangan pelajar bahasa Jepun Indonesia (PBJI) dan pelajar bahasa Jepun Malaysia (PBJM). Bahagian akhir, bab ini adalah mengenai ketiga kata hubung bahasa Jepun, *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.

2.1 Pemerolehan Bahasa Kedua (*Second Language Acquisition*)

Gass dan Selinker (2008), menyatakan bahawa kajian pemerolehan bahasa kedua adalah kajian mengenai bagaimana pelajar mempelajari dan membina sistem bahasa baru dengan pengalaman mereka yang terhad kepada bahasa tersebut. Secara ringkas, menurut Gass dan Selinker (2008, p. 7), pemerolehan bahasa kedua merujuk kepada teknik seseorang dalam mempelajari bahasa asing selepas mempelajari bahasa ibunda. Kenyataan ini hampir sama dengan kenyataan daripada beberapa penyelidik dalam pemerolehan bahasa kedua yang lebih cenderung menyelidik mengenai perkembangan kompetensi pelajar secara keseluruhan dalam kajian pemerolehan bahasa kedua (Ellis, 1997; Gregg, 1989).

Oleh sebab itu, kajian pemerolehan bahasa kedua dapat membantu penyelidik untuk mengkaji proses pembelajaran pelajar. Ia juga dapat menggambarkan bagaimana bahasa kedua tersebut dipelajari dan diaplikasikan oleh pelajar.

2.2 Analisis Perbezaan (*Contrastive Analysis (CA)*)

Pada tahun 1950-an, Lado (1957) dan Fries (1945) menyatakan bahawa peranan bahasa ibunda merupakan penghalang utama bagi pemerolehan bahasa kedua. Menurut Lado, dalam buku beliau *Linguistic Across Cultures* (1957), pelajar yang mempelajari bahasa kedua mempunyai kecenderungan untuk menggantikan bentuk dan makna bahasa ibunda juga budayanya kepada bentuk dan makna bahasa kedua juga budayanya. Kemudian, Fries (1957), dalam kata pendahuluan bagi buku Lado menyebutkan bahawa pembelajaran bahasa kedua merupakan perkara yang berbeza dengan pembelajaran bahasa ibunda. Masalah yang berlaku ketika mempelajari bahasa kedua bukan kerana bahasa kedua tersebut sukar, tetapi lebih disebabkan oleh kebiasaan pelajar ketika belajar bahasa ibunda. Berikutnya, hal ini diketahui sebagai teori asas hipotesis analisis perbezaan (CA).

Gass dan Selinker (2008) menegaskan bahawa kenyataan Lado (1957) terhasil berasaskan kepada keperluan untuk membuat bahan-bahan pedagogi yang relevan pada masa itu. Hal ini disebabkan analisis perbezaan CA dilakukan untuk menambah baik bahan-bahan yang digunakan di dalam kelas bagi pengajaran dan pembelajaran bahasa. Gass dan Selinker memberikan takrifan CA seperti berikut:

Contrastive analysis is a way of comparing languages in order to determine potential errors for the ultimate purpose of isolating what needs to be learned and what does not need to be learned in a second-language-learning situation. (Gass dan Selinker, 2008, p. 96)

Gass dan Selinker (2008) juga menambahkan bahawa dua pandangan telah dibentuk berasaskan kerangka kerja hipotesis CA. Pandangan pertama, iaitu satu jangkakan pembelajaran dan kecemerlangan bahan-bahan pengajaran bahasa yang diperolehi daripada perbandingan dua bahasa adalah pandangan yang kukuh. Manakala pandangan mengenai analisis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar dengan tujuan meramal dan menghurai tingkah laku pelajar terhadap perbezaan dan persamaan asas daripada

bahasa ibunda-bahasa kedua adalah pandangan yang agak lemah. Walaubagaimanapun, kajian-kajian menggunakan kaedah CA dapat memberikan gambaran mengenai perkembangan pengajaran dan model tingkah laku dalam pembelajaran bahasa kedua.

2.3 Kajian Analisis Kesilapan

Gangguan⁵ bahasa ibunda (*cross linguistic influence*), juga dikenali sebagai pemindahan bahasa (*language transfer*) (cth. Odlin, 1989; Ozeki, 2010; Shirahata, T, Wakabayashi, S, & Muranoi, H, 2010). Odlin (1989) menyebutkan bahawa pemindahan bahasa merupakan kesan daripada persamaan dan perbezaan di antara bahasa kedua dan bahasa asing lain yang telah dipelajari sebelumnya. Menurut Odlin, kesan yang berlaku disebabkan oleh penilaian atas kesamaan di antara bahasa ibunda mereka dan bahasa kedua oleh pelajar (Odlin, 1998, p. 27). Apabila antara bahasa ibunda dan bahasa kedua berkongsi beberapa persamaan dalam nahunya, maka pemindahan positif cenderung untuk berlaku. Contohnya, dalam bahasa Jepun dan Korea, yang mempunyai struktur ayat yang sama, iaitu SOP⁶. Hal ini menyebabkan pemindahan positif kerap berlaku dalam kalangan dari kedua negara. Sebaliknya, bahasa ibunda pelajar berbeza daripada nahu bahasa kedua, ia boleh menyebabkan berlakunya pemindahan negatif. Sebagai contoh, pemindahan negatif yang berlaku ketika PBJI mengaplikasikan peraturan bahasa ibunda mereka ke dalam bahasa Jepun. Sebagaimana diketahui, kaedah tatabahasa antara bahasa Jepun dan bahasa Indonesia adalah berbeza. Salah satu perbezaan yang kentara ialah terdapat peraturan di dalam tatabahasa bahasa Jepun untuk mengubah bentuk perkataan seperti kata kerja, kata sifat dan kata nama mengikut kala waktunya di dalam sesebuah ayat. Tetapi, peraturan untuk mengubah bentuk perkataan seperti kata kerja, kata sifat dan kata nama mengikut kala waktu tersebut tidak wujud di dalam tatabahasa bahasa Indonesia. Contoh dapat dilihat seperti pada jadual berikut:

⁵ Odlin (1989) menggunakan 'pengaruh' sebagai istilah untuk 'gangguan'. Terima kasih kepada Odlin bagi membawa kajian ini menjadi perhatian penulis. Pada kajian ini, perkataan 'gangguan' adalah istilah yang digunakan untuk merujuk sebarang kes bagi *transfer*. Ini tidak bermaksud untuk menafikan kesahihan perbezaan di antara perkataan-perkataan tersebut. Ia adalah semata menunjukkan perbezaan tersebut tidak mempengaruhi teori yang digunakan.

⁶ SOP adalah penyingkatan daripada perkataan Subjek, Objek, dan Predikat.

Jadual 2.1. Perbezaan Perubahan Bentuk Kata Kerja Pada Bahasa Jepun dan Bahasa Indonesia

Bahasa	Kata Kerja			
	Bentuk positif kala kini dan akan datang	Bentuk positif kala lampau	Bentuk negatif kala kini dan akan datang	Bentuk negatif kala lampau
Jepun	<i>tabe-masu</i>	<i>tabe-mashita</i>	<i>tabe-masen</i>	<i>tabe-masendeshita</i>
Indonesia	makan	(sudah) makan	(tidak) makan	(telah tidak) makan

Kajian ke atas pelajar asing dalam mempelajari bahasa Jepun sebagai bahasa kedua terus meningkat dan membuktikan terdapatnya pengaruh bahasa ibunda dalam pembelajaran bahasa Jepun tersebut. Beberapa kajian ke atas pelajar bahasa Jepun (PBJ) menunjukkan bahawa pelajar melakukan kesilapan tatabahasa dan kebanyakannya menyebabkan kesilapan dalam penggunaannya (Yoshikawa, 1997; Ichikawa, 1997, 2005).

Ozeki (2010) menyebutkan terdapat dua jenis kesilapan yang dilakukan oleh PBJ. Pertama, kesilapan inter-lingual (*inter-lingual error*), iaitu kesilapan yang disebabkan oleh gangguan daripada bahasa ibunda kerana terdapat perbezaan di antara kedua bahasa. Kedua ialah kesilapan intra-lingual (*intra-lingual error*), iaitu kesilapan berlaku disebabkan oleh proses pengembangan (*developmental process*)⁷ dan tiada kena mengena dengan pengaruh bahasa ibunda.

Kajian Richards (1971), menunjukkan bahawa kesilapan berlaku disebabkan oleh kesilapan intra-lingual (*intra-lingual error*) dan kesilapan pengembangan (*developmental error*). Richards (1971), menjuruskan kajian beliau kepada beberapa jenis kesilapan dalam pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Beliau mengatakan bahawa kesilapan intra-lingual (*intra-lingual error*) menggambarkan

⁷ Sebagaimana pemerhatian daripada Odlin (1989), ramai pengkaji telah memperdebatkan, pada hakikatnya kesilapan yang disebabkan oleh proses perkembangan yang telah ditemui pada pemerolehan bahasa ibunda dan bahasa kedua adalah lebih daripada yang dijangkakan. Sebagai contoh, kesilapan kala yang dilakukan oleh pelajar Inggeris pada ayat: * *I play a new game last night* atau * *John book*.

kecekapan pelajar pada ciri-ciri am daripada kaedah pembelajaran. Pelajar membuat generalisasi yang salah, mengaplikasikan kaedah-kaedah yang tidak lengkap dan gagal untuk memahami situasi daripada kaedah-kaedah bahasa kedua. Manakala kesilapan pengembangan (*developmental errors*) memberi gambaran bahawa pelajar mencuba untuk mengembangkan hipotesis mengenai bahasa kedua berasaskan pada pengalaman pelajar yang terhad. Seterusnya, Richard (1971) juga membincangkan tentang beberapa sebab kesilapan berlaku, iaitu:

1. Pelajar membuat struktur yang tidak tepat ke atas struktur bahasa kedua berdasarkan pengalaman bahasa ibunda mereka. [*Over-generalization*]
2. Pelajar tidak mengaplikasikan kaedah-kaedah penggunaan ke atas konteks ayat yang dibina. [*Ignorance of rule restrictions*]
3. Pelajar membuat ayat yang menyimpang daripada peraturan asal penggunaan. [*Incomplete application of rules*]
4. Pelajar mengembangkan pemahaman yang salah daripada perbezaan di dalam bahasa sasaran. [*False concepts hypothesized*]

Berdasarkan kepada kajian yang telah dilakukan Richards (1971), mengenai terdapatnya kesilapan di dalam proses pengembangan (*developmental error*), banyak penyelidik bahasa mula memberi perhatian dan membuat kajian mengenai berlakunya kesilapan pada pelajar yang mempelajari bahasa kedua.

Kajian-kajian analisis kesilapan ke atas pelajar bahasa Jepun menunjukkan bahawa antara kesilapan yang sering berlaku adalah ketika pelajar tidak dapat memahami erti sebenar daripada dua atau lebih sinonim⁸ dan ketika mereka gagal untuk

⁸ Aramaki (2003) menyebutkan, pelajar bahasa Jepun membuat kesilapan untuk membezakan antara *kuremasu* (memberi) dan *agemasu* (memberi). Pelajar gagal untuk menentukan perkataan yang tepat di antara dua kata kerja tersebut apabila penerima manfaat pada sebuah ayat adalah seorang ahli keluarga. Sebagai contoh, penggunaan kata kerja pada ayat berikut adalah tidak tepat. *Yamada san ga imouto ni ningyou o katteageta* (Yamada membeli anak patung untuk adik saya). Bagi menghasilkan ayat yang gramatikal, kata kerja *Ageta* semestinya digantikan dengan *kureta*. *Yamada san ga imouto ni ningyou o kattedureta* (Yamada membeli anak patung untuk adik saya).

memahami perbezaan tatabahasa⁹ di antara bahasa ibunda dan bahasa kedua (Aramaki, 2003; Kuwahara, 2003; Hisano, 2003).

Yoshikawa (1997) menyebutkan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa Jepun adalah perkara yang halus/tidak ketara, seperti sebuah ayat yang kedengaran agak aneh ketika didengar atau dibaca oleh penutur natif Jepun. Berikut adalah contoh ayat yang dikemukakan oleh beliau yang dapat difahami maksudnya walaupun kurang tepat nahunya dalam penggunaan kata hubung, *~to* (bila/ketika) dan *~te* (dan) berikut.

- (13). *Mado o akeru - to, Fujisan - o mi - mashita.*
Tingkap – partikel buka bila, gunung – partikel – melihat.

< 窓を開けると, 富士山を見ました。(?) >

Ind : *Begitu saya buka jendela, saya melihat gunung Fuji.*

Mal : Apabila saya buka tingkap, saya melihat gunung Fuji.

- (14). *Mado o ake - te, Fujisan - ga mie - mashita.*
Tingkap – partikel buka dan, gunung – partikel – dapat terlihat.

< 窓を開けて, 富士山が見えました。(?) >

Ind : *Saya buka jendela, dan gunung Fuji dapat terlihat.*

Mal : Saya buka tingkap, dan gunung Fuji kelihatan.

(Yoshikawa, 1997, p. 35)

Ayat (13) dan (14) kedengaran hampir sama, tetapi agak tidak natural apabila didengar ataupun dibaca oleh penutur natif Jepun. Pada asasnya, kaedah penggunaan kata hubung *~to* (jika, ketika) digunakan untuk menyambungkan ayat yang menunjukkan sebaik sahaja ayat pertama selesai, ayat kedua berlaku. Oleh itu, selepas kata hubung *~to* (jika, ketika), semestinya diikuti oleh kata kerja yang mempunyai potensi (*miemasu*: dapat dilihat; *kikoemasu*: dapat didengar). Manakala kata hubung *~te*

⁹ Kuwahara (2003), telah mengkaji pembelajaran kata hubung bahasa Jepun *~no dakara* (kerana) dan *~kara* (kerana) ke atas pelajar bahasa Jepun. Beliau mengatakan bahawa pelajar tidak mempunyai kefahaman yang cukup mengenai perbezaan *~no dakara* (kerana) dan *~kara* (kerana) yang menyebabkan kesilapan berlaku.

(dan) digunakan untuk menyambungkan ayat yang menunjukkan urutan daripada aksi/tindakan, sehingga kata kerja yang mengikuti kata hubung *~te* (dan) adalah kata kerja yang menunjukkan aksi/tindakan.

Berdasarkan kenyataan di atas, ayat (13) dan (14) boleh menjadi ayat tepat nahunya apabila kata hubung *~te* pada ayat (13) digantikan dengan kata hubung *~to*, manakala kata hubung *~to* pada ayat (14) digantikan dengan kata hubung *~te*. Ayat yang tepat menjadi:

(13.a). *Mado - o ake - te, Fujisan - o mi - mashi - ta.*
Tingkap – partikel buka bila, gunung – partikel – melihat.

< 窓を開けて, 富士山を見ました。(✓) >

Ind : *Saya buka jendela, dan saya melihat gunung Fuji.*
Mal : *Saya buka tingkap, dan saya melihat gunung Fuji.*

(14.a). *Mado - o akeru - to, Fujisan - ga mie - mashi - ta.*
Tingkap – partikel buka dan, gunung – partikel – dapat terlihat.

< 窓を開けると, 富士山が見えました。(✓) >

Ind : *Ketika saya buka jendela, dan gunung Fuji dapat terlihat.*
Mal : *Apabila saya buka tingkap, kelihatan gunung Fuji.*

(Yoshikawa, 1997, p. 35)

Walaupun bagaimanapun, ayat (13) dan (14) di atas tidak boleh terus dianggap sebagai kesilapan kerana kedengaran agak aneh (tidak natural) ataupun tidak tepat dari nahunya. Hal ini disebabkan oleh perkara yang maksud ayat-ayat tersebut boleh difahami oleh penutur natif Jepun (Yoshikawa, 1997).

Ozeki (2010), di dalam bukunya memberikan contoh ayat yang tidak natural yang dikemukakan oleh Pawley dan Syder (1983). Ayat, '*I want to marry you*', dianggap sebagai ungkapan yang natural. Ayat tersebut sudah tentu dapat dinyatakan dengan cara lain, seperti, '*I want a marriage with you*', atau '*it is my wish that I become*

married to you'. Jika dilihat dari segi nahunya, ayat-ayat tersebut adalah betul dan makna daripada ayat tersebut juga dapat difahami. Walaubagaimanapun, ungkapan-ungkapan ini jarang digunakan dan kedengaran agak janggal bagi penutur natif Inggeris.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, dapat dirumuskan bahawa kesilapan yang dilakukan oleh pelajar ketika menggunakan bahasa kedua mungkin menyebabkan nuansa atau pun makna yang berbeza bagi penutur natif bahasa tersebut (Ichikawa, 1997; Iori dan Nakanishi, 2000) dan boleh mengganggu proses komunikasi yang lancar.

Yoshikawa (1997) menyebutkan bahawa kesilapan ketika menggunakan bahasa kedua pada pelajar disebabkan oleh:

1. Gangguan bahasa ibunda. Beliau menyebutkan bahawa sebutan yang pelik yang dihasilkan oleh pelajar adalah disebabkan oleh gangguan, tetapi kesilapan nahu yang dihasilkan oleh pelajar tidak boleh dirumuskan kerana gangguan semata-mata. Ini adalah kerana kesilapan-kesilapan dalam tatabahasa turut boleh berlaku disebabkan teknik pengajaran yang tidak sempurna.
2. Gangguan daripada bahasa asing lain yang dipelajari sebelumnya.
3. Pengaruh daripada nahu bahasa Jepun itu yang telah dipelajari sebelumnya.
4. Pemahaman yang tidak sempurna.
5. Penjelasan yang tidak lengkap.
6. Terlebih fikir.

Menurut Yoshikawa (1997), antara halangan utama bagi pelajar dalam mempelajari bahasa Jepun adalah gangguan daripada bahasa ibunda, dan daripada bahasa asing lain yang telah dipelajari sebelumnya, ataupun kekeliruan dalam memahami tatabahasa bahasa Jepun itu sendiri. Oleh itu, beliau mengesyorkan kajian perbandingan di antara bahasa ibunda dan bahasa kedua bagi pengesanan ciri-ciri daripada bahasa kedua yang tidak ada pada bahasa ibunda.

Seterusnya, Ishiwata dan Takada (2001) mengemukakan bahawa kajian analisis kesilapan merupakan satu pendekatan untuk menentukan fenomena gangguan dalam pembelajaran dan untuk mengenal pasti kesilapan yang dilakukan oleh pelajar yang mempelajari bahasa kedua. Tambahan lagi, sampel data yang dikumpulkan daripada kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar akan membantu dalam mengkaji kesilapan yang berlaku ketika mempelajari bahasa kedua tersebut. Kenyataan daripada Ishiwata dan Takada (2001) tersebut bersesuaian dengan kenyataan daripada Corder (1981) yang mengemukakan idea, iaitu “memberi tumpuan kepada pelajar itu sendiri untuk memerhati bagaimana kecekapan pelajar tersebut dalam mempelajari bahasa kedua”.

Sementara itu, Ichikawa (2005) menyebutkan bahawa pelajar tidak akan berpuas hati apabila pengajar hanya memberi tumpuan kepada tatabahasa sahaja ketika mengajar di dalam kelas. Menurut beliau, perkara penting yang harus dilakukan sebagai pengajar adalah untuk berfikir lebih jauh dan mencari kaedah bagaimana untuk membuat frasa ataupun ayat yang jelas dengan kondisi yang bersesuaian dengan konteks yang sesuai untuk digunakan di dalam kelas. Dengan lain perkataan, pengajar semestinya dapat menunjukkan contoh yang kukuh yang berhampiran dengan realiti sebenar dan pada masa yang sama dapat memberi gambaran jelas kepada pelajar mengenai struktur tatabahasa yang tepat.

Oleh itu, kajian analisis kesilapan adalah salah satu cara untuk menerokai pemahaman pelajar dalam mengaplikasikan bahasa kedua. Siasatan yang dilakukan ke atas kesilapan pelajar tersebut boleh menjadi maklum balas dan rujukan kepada pengajar mengenai permasalahan yang mungkin dihadapi pelajar ketika mempelajari bahasa kedua. Seterusnya, pembedahan dan penambahbaikan teknik pengajaran secara berterusan dapat dilakukan bagi penambahbaikan pengajaran di masa hadapan.

2.3.1 Analisis Kesilapan pada PBJI

Kajian-kajian mengenai pengajaran bahasa Jepun ke atas pelajar Indonesia yang mempelajari bahasa Jepun telah banyak dilakukan. Contohnya, Najoan (2009), melakukan kajian eksperimen tentang pengajaran aksen bahasa Jepun ke atas pelajar Indonesia menyatakan bahawa aksen mendatar bahasa Jepun mudah untuk dipelajari. Manakala Saparina (2009), dalam kajian inovasi pengajaran *kaiwa* (perbualan) tahap asas mengatakan bahawa pengajaran *kaiwa* (perbualan) dengan menggunakan teknik komunikatif terbukti dapat meningkatkan kecekapan komunikasi pelajar.

Walaupun bagaimanapun, kajian analisis ke atas kesilapan pelajar Indonesia yang belajar bahasa Jepun masih sedikit dijumpai. Hama (2005) dalam kajiannya, menganalisis kesilapan yang dilakukan pelajar Indonesia yang belajar bahasa Jepun melalui penulisan pelajar-pelajar tersebut. Beliau merumuskan bahawa kesilapan yang berlaku bukan sahaja disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda, dan juga disebabkan oleh teknik pengajaran yang disampaikan oleh guru. Beliau juga menegaskan bagaimana teknik pengajaran dapat memberi kesan pada pemerolehan bahasa Jepun pada pelajar Indonesia.

Aramaki (2003), turut menyokong pendapat Hama (2005) yang menyatakan bahawa teknik pengajaran boleh menjejaskan pemerolehan bahasa Jepun. Di dalam kajiannya, Aramaki menguji kecekapan pelajar bahasa Jepun dalam membuat ayat dengan menggunakan frasa bahasa Jepun, iaitu frasa *~agemasu* (memberi) dan *~moraimasu* (menerima) dalam situasi yang telah dirancang. Hasil daripada kajian beliau menunjukkan kurangnya amalan pelajar untuk menggunakan frasa 'memberi' dan 'menerima' menyebabkan berlakunya kesilapan ketika mengaplikasikan frasa tersebut. Pada kajiannya, Aramaki (2005), mencadangkan kepentingan membuat latihan yang mudah difahami oleh pelajar dengan situasi yang sebenar ketika mengajar bahasa Jepun.

Risda (2009), menyatakan kesilapan yang dilakukan oleh PBJI ketika menggunakan bentuk pasif bahasa Jepun di antaranya adalah disebabkan oleh pengalaman terdahulu mereka dalam mempelajari bahasa Jepun. Selain itu, pelajar juga cenderung menukarkan ayat pasif dalam bahasa ibunda kepada ayat aktif dalam bahasa Jepun.

Kajian-kajian di atas menjelaskan beberapa punca kesilapan yang dilakukan oleh PBJI ketika menggunakan bahasa Jepun dan hasilnya menunjukkan bahawa bahasa ibunda boleh memberi kesan kepada pemerolehan bahasa Jepun. Kesilapan juga boleh berlaku disebabkan oleh teknik pengajaran yang kurang tepat, kurangnya amalan-amalan pelajar dalam menggunakan bahasa Jepun dan kesan daripada pengalaman pembelajaran bahasa Jepun yang sebelumnya.

2.3.2 Analisis Kesilapan pada PBJM

Kajian analisis kesilapan mengenai pembelajaran bahasa Jepun ke atas PBJM diketahui masih sedikit dilakukan. Antara kajian analisis kesilapan ke atas PBJM ialah kajian yang telah dilakukan oleh Zoraida Mustafa (2007), dengan menggunakan rangka kerja Ichikawa (1997). Zoraida Mustafa (2007), mengkaji kesilapan-kesilapan yang dilakukan pelajar Malaysia melalui karangan bahasa Jepun mereka. Dapatan kajian telah mengenal pasti jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh PBJM. Antaranya ialah kesilapan penggunaan partikel, penggunaan kata hubung, ayat bersyarat. Salah satu kategori kesilapan yang didapati yang dilakukan oleh pelajar ialah kesilapan pada penggunaan kata hubung. Beliau menyatakan bahawa punca-punca kesilapan ini berlaku disebabkan oleh kefahaman yang kurang sempurna mengenai bahasa kedua dan juga hasil daripada gangguan bahasa ibunda.

Manakala dalam kajian Roswita, A. Rashid (2002) yang menyentuh mengenai ayat bersyarat, beliau menyatakan bahawa PBJM tidak mengaplikasikan kata hubung

bersyarat bahasa Jepun, *~tara*, *~nara*, *~to* dan *~ba*, dengan tepat sehingga menyebabkan berlakunya kesilapan. Kesilapan yang dilakukan oleh pelajar tersebut menunjukkan bahawa mereka mempunyai kecenderungan untuk menterjemahkan kata hubung *~tara*, *~nara*, *~to* dan *~ba*, kepada kata hubung ‘~jika’ dalam bahasa Melayu. Walaupun demikian, dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa sebahagian besar kesilapan yang berlaku bukan disebabkan oleh gangguan daripada bahasa ibunda, tetapi disebabkan oleh kefahaman mengenai frasa dan penggunaan kata hubung bersyarat, *~tara*, *~nara*, *~to* dan *~ba* yang lemah. Beliau turut menimbangkan bahawa gangguan bahasa ibunda boleh memberi kesan kepada pemerolehan bahasa Jepun PBJM. Tetapi, beliau menegaskan bahawa kesilapan yang berlaku disebabkan oleh gangguan bahasa ibunda tersebut terjadi kerana kefahaman pelajar terhadap aturan penggunaan yang tepat mengenai nahu bahasa yang dipelajari lemah.

2.4 Kajian ke atas *~tekara*, *~toki* dan *~tara*

Pada asasnya, aturan penggunaan kata hubung *~tekara* (selepas), *~toki* (ketika) dan *~tara* (jika) dalam bahasa Jepun tidak sama dengan aturan penggunaan kata hubung ‘selepas’, ‘ketika’ dan ‘jika’ dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu. Ada syarat-syarat penggunaan tertentu pada *~tekara* (selepas), *~toki* (ketika) dan *~tara* (jika) yang harus diikuti untuk menghasilkan ayat yang tepat, manakala ‘selepas’, ‘ketika’ dan ‘jika’ dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu dapat digunakan dalam pelbagai perkataan dengan pelbagai kondisi. Jadual 2.2 berikut menunjukkan makna dan peraturan penggunaan *~tekara* (selepas), *~toki* (ketika) dan *~tara* (jika).

Jadual 2.2. Makna dan Kaedah Penggunaan *~tekara* (selepas), *~toki* (ketika) dan *~tara* (jika).

No	Kata Hubung	Makna	Kaedah Penggunaan
1	<i>~tekara</i>	1. Setelah/selepas: untuk menegaskan bahawa aksi/perbuatan pada ayat pertama perlu dilakukan terlebih dahulu, kemudiannya aksi/perbuatan pada ayat seterusnya akan dijalankan.	- Tidak digunakan bagi perhubungan masa yang jelas. Contoh: <i>Doa o aketekara, soto ni demasu.*</i> (Selepas saya buka pintu, saya keluar) - Ayat pertama dan ayat kedua adalah ayat yang menunjukkan aksi/tindakan, bukan kondisi. Contoh: <i>Minna ga kaettekara, gomi ga ippai datta.*</i> (Selepas semua orang pergi, bilik dipenuhi dengan sampah). Ayat tersebut menggambarkan kondisi bilik yang bersepeh dipenuhi dengan sampah selepas orang-orang yang berada di dalam bilik itu sebelumnya telah pergi keluar.
		2. Sejak/semajak: sebagai satu titik permulaan dari perubahan atau pun lanjutan sesuatu perkara.	- Ayat setelah <i>~tekara</i> adalah ayat yang menunjukkan perubahan atau pun lanjutan daripada suatu kondisi. Contoh: <i>Tabako o yametekara, taijuu ga kyuu ni fueta.</i> (Sejak saya berhenti merokok, berat badan saya bertambah serta merta).
2	<i>~toki</i>	Ketika: untuk menyambungkan dua ayat yang menunjukkan tempoh semasa apabila keadaan atau tindakan pada ayat pertama berlaku.	- (<i>Vta-toki</i>) kata kerja sebelum <i>~toki</i> dalam bentuk kala lampau yang menunjukkan aksi ataupun kondisi pada ayat sebelum <i>~toki</i> telah dilakukan/terjadi. Contoh: <i>Nihon e kitatoki, jisho o katta.</i> (Ketika saya pergi ke Jepun, saya membeli sebuah kamus). - (<i>Vru-toki</i>) kata kerja sebelum <i>~toki</i> dalam bentuk kala kini/akan datang yang menunjukkan aksi ataupun kondisi pada ayat sebelum <i>~toki</i> belum dilakukan/terjadi. Contoh: <i>Nihon e ikutoki, jisho o katta.</i> (Ketika saya akan pergi ke Jepun, saya membeli sebuah kamus).
3	<i>~tara</i>	1. Jika/Bila: menunjukkan danaian bahawa jika perkara pada ayat pertama berlaku, maka perkara pada ayat kedua akan wujud/dilakukan.	- Menggambarkan kehendak, buah pemikiran daripada subjek yang menunjukkan persyaratan bagi ayat berikutnya. Tetapi, ayat selepas <i>~tara</i> tidak semestinya berlaku. Contoh: <i>Ame ga futara, ikimasen.</i> (Jika hujan, saya tidak pergi).
		2. Selepas: melakukan aksi/tindakan pada ayat kedua apabila aksi ataupun kondisi daripada ayat pertama wujud dilakukan.	- Menyatakan kehendak, fikiran, pendapat atau nasihat penutur. Contoh: <i>Gohan o tabetara, te o arattekudasai.</i> (Sila basuh tangan selepas makan nasi).
		3. Ketika: semasa perkara pada ayat pertama sedang/telah berlaku, menjumpai perkara pada ayat kedua yang ianya tidak dijangkakan sebelumnya.	- Menekankan pada perkara yang tidak dijangkakan, dan memeranjatkan penutur. - Ayat selepas <i>~tara</i> , mesti dalam bentuk kala lampau. Contoh: <i>Kaban o aketara, kyookasho ga nakatta.</i> (Ketika saya buka beg, buku teks tidak ada di dalamnya).

Sumber: (Tomomatsu, E., Miyamoto, J., & Wakuri, M., 2007), *Donna Toki Dou Tsukau Nihongo Hyougen Bunkei Jiten* [Kamus Bagaimana dan Bila untuk Menggunakan Frasa bahasa Jepun]. (Nagoya YWCA, 2004), *Wakatte Tsukaeru Nihongo* [Memahami dan Menggunakan bahasa Jepun]. (Ichikawa, 2005), *Shokuyuu nihongo bunpou to oshiekata no pointo* [Asas nahu Bahasa Jepun dan Tips Pengajaran Bahasa Jepun].

Dari aspek lain, dalam beberapa situasi, *~tekara* dan *~tara* boleh saling menggantikan antara satu sama lain, tetapi ia akan menghasilkan nuansa yang berbeza (cth. Ichikawa, 1997, 2005; Iori & Takanashi, 2000). Iori dan Takanashi (2000)

menyatakan jika terdapat perkaitan yang jelas antara kes pada ayat pertama dan ayat yang berikutnya, seperti kaitan ayat kedua sebagai perkara lanjutan daripada ayat pertama, *~tekara* dan *~tara* dapat digunakan. Berikut adalah contoh ayat yang diberikan oleh Iori dan Takanashi (2000), yang menunjukkan aturan penggunaan *~tekara* dan *~tara*. Ayat (15) menunjukkan penggunaan *~tara* yang menggambarkan hubungan ‘sebab’ dan ‘akibat’. Tetapi, apabila *~tara* digantikan dengan *~tekara* pada contoh ayat (16), maksud hubungan ‘sebab’ dan ‘akibat’ dalam ayat (15) akan hilang dan berubah menjadi ayat yang menunjukkan ‘urutan peristiwa’.

- (15). *Botan- o oshi - tara, kippu – ga deteki-ta.*
Butang - partikel tekan - jika, tiket - partikel keluar-lampau.

< ボタンを押したら, 切符が出てきた。 >

Ind : *Jika* (kamu) tekan tombol, tiket akan keluar.

Mal: *Tiket akan keluar, apabila anda tekan butang.*

- (16). *Botan – o oshi - tekara, kippu – ga deteki-ta.*
Butang - partikel tekan - selepas, tiket - partikel keluar-lampau.

< ボタンを押してから, 切符が出てきた。 >

Ind : *Setelah* kamu tekan tombol, tiket akan keluar.

Mal: *Tiket akan keluar, selepas anda tekan butang.*

(Iori dan Takanashi, 2000, p. 203~204)

Seterusnya, Ichikawa (1997), mengkategorikan kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bahasa Jepun kepada:

1. Kesilapan atribut, iaitu kesilapan pada klausa bawahan (bentuk petikan, klausa kata benda, klausa rasional, klausa masa, klausa bersyarat, klausa adversative, klausa objek) dan partikel.
2. Kesilapan predikat, iaitu kesilapan pada kata kerja, *voice*, kala-aspek, dan modal.

Tambahan lagi, pada dapatan kajian Ichikawa (1997), terutamanya kajian pada *~tekara*, *~toki* dan *~tara* menunjukkan bahawa pelajar bahasa Jepun lazimnya mudah keliru ketika menggunakan *~tekara*, *~toki* dan *~tara*. Terdapat kes di mana pelajar menggunakan *~toki* ketika mana *~tara* lebih sesuai, dan menggunakan *~tekara* ketika *~tara* lebih sesuai. Ayat (17) berikut adalah contoh kesilapan ayat yang dilakukan oleh pelajar ketika menggunakan *~tekara*.

- (17). *Gohan - o tabe-tekara, jibun - de katazuke - te - kudasai.*
Nasi - partikel makan - selepas, diri sendiri - partikel bersih – tolong.

< ご飯を食べてから, 自分で片付けてください。(?) >

Ind : Setelah makan, tolong bersihkan.

Mal: Sila kemaskan sendiri, selepas makan nasi.

(Ichikawa, 2005, p. 393)

Ichikawa berpendapat bahawa penggunaan *~tekara* dalam ayat (17) dapat diterima apabila ia menyentuh mengenai masa. Tetapi, apabila aksi/tindakan ‘makan nasi’ diambil sebagai satu kenyataan bersyarat daripada ‘kemaskan’, maka penggunaan *~tara* adalah lebih tepat. Ayat tersebut menjadi:

- (17.a). *Gohan – o tabe-tara, jibun - de katazuke - te - kudasai.*
Nasi - partikel makan - selepas, diri sendiri - partikel bersih – tolong.

< ご飯を食べたら, 自分で片付けてください。(✓) >

Ind : Jika telah selesai makan, tolong bersihkan.

Mal: Apabila telah selesai makan, sila kemaskan sendiri.

(Ichikawa, 2005, p. 393)

Seterusnya, Ichikawa (2005) juga mengemukakan contoh ayat penggunaan *~toki* yang dihasilkan oleh pelajar.

- (18). *Tegami – o kai– ta - toki, yuubinkyoku - de dashimasu.*
Surat – partikel tulis - ketika, pejabat pos - partikel menghantar.

< 手紙を書いたとき, 郵便局で出します。(✓) >

Ind: Ketika surat telah selesai ditulis, saya mengirimkannya melalui kantor pos.
Mal: Pada masa surat telah siap ditulis, saya menghantarkannya ke pejabat pos.

(Ichikawa, 2005, p. 399)

Kata hubung *~toki* pada ayat (18) di atas berfungsi untuk menghubungkan ayat *tegami o kakimasu* (menulis surat) dan ayat *yuubinkyoku de dashimasu* (menghantar ke pejabat pos). Walaubagaimanapun, pada dasarnya, *~toki* digunakan untuk menunjukkan titik masa, iaitu pada ketika aksi/tindakan akan dilakukan, sedang dilakukan atau telah dilakukan. Tetapi, ayat (18) menggambarkan adanya penangguhan masa antara *tegami o kakimasu* (menulis surat) dan ayat *yuubinkyoku de dashimasu* (menghantar ke pejabat pos). Oleh itu, penggunaan *~toki* adalah kurang tepat pada ayat (18). Kata hubung *~toki* seharusnya digantikan dengan *~tara*, sehingga ayat tersebut berubah menjadi ayat yang menggambarkan persyaratan (Ichikawa: 2005). Lazimnya penutur natif bahasa Jepun akan menulis ayat tersebut menjadi:

- (18.a). *Tegami – o kai – tara, yuubinkyoku- de dashimasu.*
Surat – partikel tulis - ketika, pejabat pos - partikel menghantar.

< 手紙を書いたら, 郵便局で出します。(✓) >

Ind : Ketika surat telah selesai ditulis, mengirimkannya melalui kantor pos.
Mal: Ketika surat telah ditulis, saya menghantarkannya melalui pejabat pos.

(Ichikawa, 2005, p.399)

Seterusnya, Ichikawa (1997) juga menyatakan, selain keliru untuk membezakan dengan baik kata hubung *~tekara*, *~toki* dan *~tara*, pelajar bahasa Jepun juga membuat kesilapan dalam hal kala/aspek, partikel, dan atribut pada ayat-ayat tertentu ketika menggunakan *~tekara*, *~toki* dan *~tara*.

Berdasarkan kenyataan-kenyataan di atas, dapat diketahui bahawa terdapat beberapa ciri maksud dan penggunaan *~tekara*, *~toki* dan *~tara* yang berbeza dengan bahasa ibunda PBJI dan PBJM. Walaupun penggunaan *~tekara* dan *~tara* pada ayat (15) dan (16) boleh digunakan, tetapi penggunaan *~tekara* kedengaran agak aneh bagi penutur natif bahasa Jepun. Hal ini disebabkan *~tara* adalah penghubung ayat yang natural bagi penutur natif untuk ayat (16). Begitu juga dengan penggunaan *~toki* pada ayat (18) yang diketahui tidak tepat kerana *~tara* adalah kata hubung yang natural. Walaupun pada beberapa situasi ayat *~toki* dan *~tara* boleh saling menggantikan, tetapi, keduanya masih mempunyai nuansa yang berbeza. Manakala penggunaan ‘selepas’, ‘ketika’ dan ‘jika’ pada ayat (15), (16), (17) dan (18) adalah perkara yang lazim dalam bahasa Indonesia dan bahasa Melayu dan tidak mempunyai peraturan yang khusus.